

Headline	Dana Bumiputera Al-Ansar RM200j		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	12	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	295 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,487
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,461



# Dana Bumiputera Al-Ansar RM200j

**KUALA LUMPUR** - Datuk Seri Najib Tun Razak, semalam, melancarkan Dana Bumiputera Al-Ansar Lembaga Tabung Haji (TH) berjumlah RM200 juta, bagi memperkasa dan meningkatkan ekonomi usahawan Bumiputera Muslim di negara ini.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan dana di bawah akaun pelaburan terhad serta patuh syariah yang pertama di Malaysia itu, diharap memangkin pembangunan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk bersaing di peringkat lebih tinggi.

Beliau berkata, dana berkenaan akan membantu usahawan dari segi modal kerja, pembiayaan kontrak dan perbelanjaan modal.

"Saya yakin usaha TH ini akan dapat bukan sahaja melahirkan lebih ramai usahawan tetapi juga membawa mereka yang sudah terlibat dalam bidang perniagaan pergi ke tahap lebih tinggi.

"Mudah-mudahan mereka bukan tergolong dalam kumpulan *micro enterprise* tetapi menjadi PKS dan seterusnya

menjadi syarikat lebih besar serta disenaraikan di bursa dan bersaing di persada antarabangsa," katanya ketika melancarkan dana itu di bangunan Parlimen di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Pengerusi Bank Islam Malaysia Berhad, Datuk Zamani Abdul Ghani.

Najib berkata, pembiayaan bagi dana tersebut diberikan keutamaan kepada 11 sektor termasuk makanan halal, minyak dan gas, pendidikan kesihatan, pertanian, pembinaan serta borong dan runcit.

Katanya, dana tersebut menawarkan kemudahan pembiayaan kredit antara RM50,000 hingga RM1 juta yang disalurkan Bank Islam sebagai ejen pengurus dana.

Najib berkata, agenda pembangunan Bumiputera merupakan agenda nasional yang perlu diteruskan dalam bentuk tindakan dan program bagi mengisi agenda tersebut.

Menurutnya, antara lang-

kah-langkah yang diambil kerajaan bagi memperkasa kaum Bumiputera termasuk memperluas skim usahawan permulaan Bumiputera (Superb), melaksanakan dasar *carve-out* iaitu sebahagian kontrak kerajaan yang besar diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera selain pembangunan modal insan.

Justeru, beliau menyarankan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang lain mengikut jejak langkah TH dalam memperkenalkan dana bagi membantu usahawan Bumiputera.

Dalam sidang media selepas itu, Abdul Azeez berkata, Dana Bumiputera Al-Ansar merupakan hasil keuntungan yang diperoleh TH.

"Keuntungan itu kita keluaran dan bagi pinjam untuk memberi peluang usahawan Bumiputera mengembangkan perniagaan selain memberi dividen tinggi kepada pen deposit," katanya.

Jelasnya, mereka yang berminat untuk memohon dana itu boleh ke cawangan Bank Islam di seluruh negara untuk tindakan lanjut. - Bernama



FOTO: BERNAMA

Najib (kiri) menyampaikan Dana Bumiputera Al-Ansar kepada pengusaha Stesen Petronas NKVE Berkat Vista, Mohammad Fuad Abdul Samad (kanan) di Bangunan Parlimen, semalam.